

22 MAY 2001

Cuepacs-Sumpah

MAJLIS ANGKAT SUMPAH: CUEPACS MAHU BINCANG DENGAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Cuepacs hari ini meminta kerajaan supaya mengadakan perbincangan dengannya berhubung cadangan menguatkuasakan majlis mengangkat sumpah pegawai kerajaan sebagai menunjukkan kesetiaan kepada negara.

Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan berkata kesatuan sekerja sektor awam itu berpendapat semua peringkat pegawai kerajaan telah dan akan terus menunjukkan kesetiaan kepada kerajaan.

Katanya kesetiaan itu dapat dipantau oleh ketua jabatan, Ketua Setiausaha Kementerian dan seterusnya Ketua Setiausaha Negara.

"Malah jika mereka mengadakan upacara angkat sumpah pun tidak akan memberi apa-apa makna jika kesetiaan itu tidak dipraktikkan sepanjang masa," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim menyatakan kerajaan akan mengkaji cadangan untuk menguatkuasakan majlis angkat sumpah itu dan perbincangan mengenai perkara itu akan diadakan tidak lama lagi bersama pihak yang terbabit dengan perkhidmatan awam.

Abdul Rahman berkata perkara berkenaan perlu diteliti terlebih dahulu bagi membolehkan ia dilaksanakan secara teratur serta tidak dipertikaikan mana-mana pihak.

Dalam perkembangan lain, Cuepacs turut meminta Kementerian Kewangan menjalankan siasatan segera berhubung dakwaan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) telah memberikan pinjaman kepada tokoh korporat untuk menyelamatkan syarikat masing-masing.

"Cuepacs berpendapat wang yang dicarum oleh pekerja dalam KWSP mestilah diurus dengan bijak dan teratur. Wang yang disimpan tidak boleh dikeluarkan untuk membantu individu-individu korporat tertentu," katanya.

Katanya, Cuepacs pernah membangkitkan isu berkenaan dalam pertemuannya bersama KWSP pada 30 April lepas.

Bagaimanapun Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II KWSP, Rusmah Ibrahim menafikan perkara berkenaan kecuali kepada syarikat-syarikat yang dijamin kerajaan, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sebelum ini bersetuju wang KWSP dibelanjakan secara yang terbaik serta membawa kebaikan kepada pekerja dan negara.

-- BERNAMA

RZS HS ZB